

## MENDIDIK KANAK-KANAK MENANGANI ANCAMAN PEDOFILIA

Oleh: Anis Fariza binti Razali, 1170940,  
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 18 Ogos 2020*



Pedofilia, perkataan yang tidak asing dalam masyarakat dan sentiasa menghantui kehidupan ibu bapa.

Dalam era serba moden yang mengagungkan dunia di hujung jari, kanak-kanak mudah terdedah dengan isu seksual kerana terlalu leka dengan gajet masing-masing.

Realiti kini memaparkan sikap ibu bapa yang menyerahkan tanggungjawab pendidikan seksual sepenuhnya kepada guru di sekolah.

Mungkin sesetengah ibu bapa bersikap terlalu konservatif dan menganggap perkara berkaitan seksual ini bertentangan dengan norma-norma masyarakat ketimuran. Malah, mereka beranggapan perkara ini tidak wajar dibincangkan seawal usia.

Hakikatnya, pendidikan seksual seharusnya bermula pada peringkat awal di mana ibu bapa haruslah memainkan peranan dalam mendidik anak-anak tentang bahagian tubuh badan yang sensitif dan melatih mereka untuk tidak membenarkan sesiapa sahaja menyentuhnya. Namun sejauh manakah pendidikan seksual ini didedahkan kepada anak-anak?

Tidak dinafikan bahawa masih terdapat ibu bapa yang tidak melaporkan jenayah ini bagi mengelakkan nama keluarga tercemar dan menanggung malu.

Sesetengah ibu bapa sangat taksub dengan hubungan kekeluargaan sehingga menganggap jenayah ini hanyalah perkara kecil yang tidak perlu diperbesarkan.

Malah, ada juga ibu bapa yang berfikir bahawa isu ini tidak akan berlaku dalam keluarga mereka.

Statistik yang dikeluarkan Bahagian Siasatan Jenayah Seksual Wanita dan Kanak-kanak Bukit Aman menunjukkan lebih 80 peratus pelakunya adalah dalam kalangan orang yang dikenali.

Pelaku mengambil kesempatan terhadap mangsa yang rapat dengannya. Menurut Pensyarah di Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Universiti Malaya (UM), Dr. Mariani Mohd Nor, peristiwa seperti ini akan meninggalkan perasaan takut kepada kanak-kanak tersebut bahkan menjejaskan emosi mangsa seperti mengalami trauma dan kebimbangan yang melampau.

Hal ini sewajarnya dititikberatkan dalam kehidupan masing-masing. Setiap ibu bapa haruslah peka terhadap persekitaran yang semakin membimbangkan dengan jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Keterbukaan ibu bapa dalam memuat naik foto anak-anak dalam media sosial merupakan antara penyumbang terhadap peningkatan kes pedofilia.

Ibu bapa haruslah belajar berkomunikasi dengan kanak-kanak tentang pengetahuan asas serangan seksual dan bagaimana untuk bertindak jika situasi itu berlaku. Didikan di rumah sejak usia muda dapat membendung jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Institusi seperti tadika mahupun sekolah juga memainkan peranan penting dalam memberi pendidikan awal mengenai perkembangan fizikal di samping mendedahkan bentuk ancaman ke atas tubuh.